

# Masjid Warisan Melaka

## Anugerah Tidak Ternilai

Masjid merupakan sebuah bangunan yang dikhususkan bagi tujuan melakukan amal ibadat kepada Allah SWT. Selain menjadi lambang syiar Islam, masjid juga turut dijadikan sebagai pusat bagi mengembangkan ajaran Islam. Sejarah penghijrahan baginda Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah turut memperlihatkan betapa pentingnya peranan masjid kepada umat Islam.

Antara usaha awal yang dilakukan oleh baginda semasa peristiwa hijrah tersebut termasuklah mendirikan masjid Quba', iaitu masjid pertama dalam sejarah Islam. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya pembinaan masjid dalam perkembangan Islam sehinggakan Rasulullah SAW turut menggalakkan umatnya agar mendirikan masjid walau di mana sahaja mereka berkampung dan menetap.

Sejarah mencatatkan bahawa penubuhan dan pembinaan surau dan masjid di Melaka telah bermula sejak abad yang ke-14 lagi. Hal ini dibuktikan melalui catatan Tome Pires, seorang ahli

pelayaran berbangsa Portugis yang menceritakan bahawa setiap pembesar termasuk Datuk Bendahara, Temenggung, Laksamana, Shah bandar mahupun Ketua-ketua Daerah di Melaka mendirikan masjid di kawasan mereka diami. Semua usaha tersebut bertujuan untuk memberikan kemudahan dan galakan kepada rakyat jelata mengerjakan ibadat, seperti solat dan lain-lain kegiatan berbentuk keagamaan.

Hukum-hukum berkaitan Islam juga turut digunakan dalam urusan perundangan di seluruh negeri Melaka. Dikatakan istana raja, balairung dan masjid terletak di Bukit Bendera yang kini dikenali sebagai Bukit St. Paul. Namun begitu, selepas kedatangan penjajah Portugis pada tahun 1511, bangunan tersebut telah dimusnahkan. Portugis bukan sahaja menjarah sejarah Islam di Melaka, malahan memaksa orang-orang Melaka meruntuhkan dan menimbus bekas tapak istana, balairung mahupun masjid yang

Mahkota dan sulur bayur di Masjid An-Nur, Peringgit.



terdapat di situ. Batu-batu yang tinggal kesan daripada runtuhannya tersebut telah dijadikan sebagai benteng pertahanan dan gereja bagi penjajah Portugis dan kekal hingga sekarang.

Usaha penjajah Portugis mahu menghapuskan syiar Islam di bumi Melaka tidak berakhir begitu sahaja. Mereka turut sengaja memperkenalkan cukai-cukai yang terlalu tinggi yang bertujuan untuk menghalau dan memaksa penduduk tempatan berpindah meninggalkan kota Melaka. Langkah ini dilihat sebagai satu daripada usaha terpenting penjajah Portugis dalam usaha menyebarkan ajaran Kristian kepada seluruh masyarakat di Melaka dengan terdirinya banyak gereja di sekitar kota ini.

Tindakan hina sang penjajah itu menyebabkan lebih ramai masyarakat Islam di Melaka bangkit untuk meneruskan usaha dakwah dalam membangunkan dan mengembangkan syiar Islam agar terus mekar di bumi Hang Tuah ini. Justeru itu, tidak hairanlah semakin banyak

masjid dan surau-surau yang dibina oleh kebanyakan masyarakat tempatan yang telah diusir keluar dari kota Melaka tersebut di setiap pelosok yang mereka diami.

Sejarah seni bina pembinaan masjid di Melaka pada kurun ke-15 hingga abad yang ke-18 banyak mengikut bentuk istana dan rumah pembesar Melayu, serta orang kenamaan di sesuatu tempat yang mereka diami. Masjid-masjid ini dibina menggunakan kayu bermutu tinggi dan bumbungnya menghadap ke arah kiblat.

Bahagian hadapan masjid akan dibina dan dibentuk sedikit anjung (mihrab) untuk kegunaan para imam, manakala di bahagian belakangnya pula akan dibina sebuah kolah untuk mengambil air wuduk.

Namun demikian, menjelang abad ke-18, beberapa masjid telah mula dibina semula dengan menggunakan batu, seperti Masjid Peringgit, Masjid Kampung Hulu dan Masjid Tengker. Pembinaan semula masjid ini memperlihatkan akan kemajuan dan kesungguhan dalam kalangan orang Melayu dalam meniti arus kehendak peredaran semasa.

Pembinaan ketiga-tiga masjid ini turut menjadi contoh kepada reka bentuk masjid yang lain di seluruh Melaka. Bentuk seni bina masjid yang terdapat di Melaka juga turut memiliki persamaan di Kelantan dan masjid Demak di Tanah Jawa. Hal ini menunjukkan

bahawa aliran seruan dan syiar Islam itu sentiasa tersebar luas di seluruh Nusantara walaupun sesetengah daripadanya turut mengalami kesan penjajahan.

## SENI BINA BUDAYA MASJID WARISAN MELAKA

Di Malaysia, perkembangan Islam telah menonjol dan tersebar ke seluruh kawasan pada awal abad ke-15 semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dan Melaka merupakan pusat terpenting tersebarnya Islam di Semenanjung Malaysia. Banyak masjid vernakular yang telah dibina pada masa itu bagi menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan ajaran agama Islam.


Seni bina pembinaan masjid di Melaka turut mengalami beberapa proses kemajuan namun bentuk asalnya masih kekal terpelihara. Empat batang tiang agung yang menjadi tunggak masjid dan mahkota di bahagian paling atas bumbung merupakan unsur simbolik penghubung antara masjid dan alam sejagat dengan Tuhan penciptanya. Bumbung masjid dibina bertingkat tiga dan setiap satunya membawa maksudnya tersendiri. Tapak pula sebagai syariat. Bumbung pertama sebagai tarekat, bumbung kedua sebagai hakikat dan bumbung ketiga sebagai makrifat. Puncak masjid pula sebagai puncak harapan dan doa mereka kepada Allah SWT. Empat penjuru masjid yang menyokong empat batang tiang agung pula melambangkan empat penjuru alam dan segala isi kandungannya.

Walaupun pembinaan masjid di Melaka selepas era merdeka tidak lagi menitikberatkan unsur seperti yang dinyatakan, namun masih menekankan unsur keindahan dan kesesuaian masa serta fungsi penggunaannya. Kebiasaannya di sesebuah kariah yang diduduki oleh umat Islam mempunyai sebuah masjid dan beberapa buah surau yang dapat diumpamakan sebagai



Pengaruh motif China pada pintu gerbang dan mimbar Masjid Tengker.





### Sistem pengaliran udara semula jadi.

“anak” bagi sesebuah masjid tersebut.

Di Melaka, terdapat sejumlah 56 buah masjid di seluruh negeri yang telah diwartakan di bawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka. Kesemua masjid warisan ini meliputi tiga daerah yang utama di Melaka iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Bagi daerah di Melaka Tengah, terdapat 26 buah masjid, daerah Alor Gajah sebanyak 17 buah masjid, manakala di daerah Jasin pula terdapat 13 buah masjid yang telah diwartakan. Yang menariknya, kesemua masjid ini memiliki persamaan dari segi ciri dan struktur reka bentuk seni bina.

Di Melaka turut mengandungi tujuh buah masjid yang turut diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, iaitu Masjid Tengker, Masjid Kampung Hulu, Masjid Kampung Keling, Masjid Serkam Pantai, Masjid Laksamana Hang Tuah, Duyong, Masjid An-Nur, Bukit Peringgit dan Masjid Lama Machap. Kesemua masjid ini merupakan antara masjid tertua di Melaka yang dibina sekitar tahun 1700 hingga 1800.

Kebanyakan masjid warisan di Melaka ini berusia melebihi 50 tahun dan masih mengekalkan ciri-ciri seni bina asalnya yang berbentuk empat segi sama,

berbumbung meru tiga tingkat dengan empat buah batang tiang seri utama yang menampung puncak mahkota di atasnya. Bahan binaan yang digunakan untuk membinanya masih menggunakan bahan asal, seperti bumbung genting *Marseille* tanah liat, mahkota yang dibuat dari kulit-kulit kerang dan siput, tiang, pintu dan tingkap yang diperbuat dari kayu berkualiti tinggi, lantai *terracotta* dan lain-lain lagi. Dinding masjid juga dilepa “*plaster*” dengan mortar kapur “*lime plaster*”.

Keistimewaan masjid warisan di Melaka ini adalah prinsip asas reka bentuknya yang berfungsi dan memiliki keberkesanan sistem pengudaraan semula jadi. Reka bentuk masjid warisan ini diadaptasi dan disesuaikan mengikut keadaan suhu dan cuaca tempatan. Hal ini dibuktikan dengan pengaliran pengudaraan yang sistematik, bermula di bahagian ruang luar masjid di kawasan terbuka sebelum udara tersebut bergerak ke ruang serambi, seterusnya akan ke ruang solat utama sebelum keluar semula di ruang serambi dan terbebas ke udara asalnya semula, iaitu diruang terbuka bertentangan dengannya.

Udara yang memasuki ke ruang dalam bahagian masjid juga naik ke aras loteng sebelum keluar

semula di ruang udara dibahagikan aras siling masjid. Keadaan ini menjadikan bahagian dalam masjid sentiasa berada dalam keadaan nyaman dan sejuk secara semula jadi.

Selain itu, masjid warisan juga memiliki teknologi pemilihan bahan binaan yang berkualiti. Dua bahan asas binaannya, iaitu mahkota dan sulur bayur, memiliki kepentingan budaya yang unik. Bahan binaan bagi hiasan kemuncak masjid warisan di Melaka ini diperbuat daripada karang laut yang dicampurkan dengan telur bagi menggantikan simen dan diukir dalam bentuk bertingkat, sama ada tiga atau empat tingkat, dan kebiasaannya hiasan ini berbentuk seperti stupa.

Di samping itu, mahkota dan sulur bayur memiliki daya ketahanan yang tinggi dan mampu bertahan dalam tempoh yang sangat lama disebabkan bahan yang digunakan adalah daripada seramik. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika bahan ini dapat bertahan ratusan tahun hingga ke hari ini dan masih teguh berada di atas puncak bumbung masjid. Pelbagai jenis dan rekaan mahkota dapat dilihat dan kesemuanya mempunyai pelbagai bentuk yang unik dan menarik. Dapat dikatakan hampir kesemua rekaan mahkota masjid di Melaka mempunyai rekaan berbentuk piramid dan mempunyai

tapak empat persegi yang besar di bawah dan semakin mengecil di bahagian atas hiasan puncak.

Melaka pernah menjadi pusat pelabuhan antarabangsa yang mengumpulkan pelbagai jenis bangsa dan masyarakat dari seluruh pelosok dunia yang terlibat dalam urusan perdagangan dan perniagaan rempah ratus serta bahan-bahan dagangan yang lain. Kedudukannya yang strategik dan terlindung daripada angin monsun menjadikan pelabuhan Melaka sebagai tumpuan bagi masyarakat dunia. Kepesatan aktiviti perdagangan di pelabuhan ini mendorong ramai pedagang luar untuk menjalankan perniagaan di Melaka. Keadaan ini juga secara tidak langsung turut menarik minat kuasa Barat untuk datang menjajah ke Melaka.

Keberadaan pedagang di Melaka memberikan ruang dalam proses asimilasi budaya antara dua bangsa yang berbeza, dan akhirnya mencetuskan suatu keunikan dalam proses pembangunan reka bentuk masjid sedia ada. Oleh sebab itu, maka tidak hairanlah kebanyakan masjid warisan yang ada di Melaka ini memiliki pelbagai pengaruh

silang budaya seni bina luar, seperti unsur dari China dan Arab, mahupun negara-negara Eropah.

Pengaruh Barat juga dapat dilihat pada beberapa seni bina yang terdapat pada masjid warisan di Melaka. Beberapa masjid di kawasan bandar terletak di bawah jajahan Belanda kerana bandar merupakan tempat tumpuan dan juga pusat pemerintahan Belanda pada ketika itu. Terdapat lima buah masjid yang dibangunkan di bawah pemerintah Belanda iaitu Masjid Peringgit (tahun 1720), Masjid Kampung Hulu (tahun 1728), Masjid Tengkeri (tahun 1728), Masjid Pengkalan Rama (tahun 1730) dan Masjid Kampung Keling (tahun 1748). Tidak hairanlah beberapa masjid di pusat pemerintahan Belanda ini memiliki gaya dan pengaruh seni bina dari negara-negara Eropah.

Keunikan yang dimiliki pada masjid warisan di Melaka ini merupakan suatu anugerah yang tidak ternilai. Masakan tidak, dengan hanya melihat reka bentuk seni binanya sahaja sudah cukup menceritakan keistimewaan yang dimiliki oleh sesebuah masjid itu. Dalam sebuah masjid itu, kita dapat melihat percampuran budaya daripada pelbagai latar belakang berbeza-beza. Masjid juga bukan sahaja berfungsi sebagai rumah ibadah dalam kalangan umat Islam,

malahan menjadi contoh kekayaan sifat majmuknya yang dibina hasil beberapa campuran seni bina tradisional Melaka, seni bina dari Eropah, Inggeris dan China.

Langkah pewartaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Perbadanan Muzium Melaka ini juga merupakan satu langkah terpuji bertujuan untuk memulihara dan mengekalkan reka bentuk warisan bagi tatapan generasi yang akan datang. Namun begitu, pewartaan ini bukanlah bermaksud menghalang atau mengurangkan sama sekali sebarang bentuk pengubahsuaian selaras dengan pertambahan para jemaah di sesuatu kariah, tetapi sebarang pelaksanaan kerja-kerja tambahan di masjid warisan perlulah dibuat secara teratur dan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Kita seharusnya berbangga dan sentiasa bersama-sama memelihara warisan agung ini agar tidak luput ditelan zaman. Janganlah kerana terlalu mengejar arus kemodenan menyebabkan kita terlupa mewariskan warisan yang tidak ternilai ini untuk tatapan generasi mendatang.

*Sudah roboh Kota Melaka,  
Tinggal sedikit jadi pengajaran;  
Kalau hilang warisan pusaka,  
Apa ada untuk diwariskan.* **DB**

Lukisan yang mempunyai unsur dari China pada dinding Masjid Lama Machap.



Dewan Budaya | BIL. 10 2020

